



**UNIT PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Rujukan : SUKNS.700-9/11/8/18 (58)
Tarikh : 17 hb Mei 2019

KENYATAAN SEBUT HARGA UNIT PERUMAHAN

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB MALAYSIA** dalam **Gred G1** dalam kategori **B & CE** pengkhususan **B04, CE21, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB)** yang masih sah laku dibenarkan memenuhi tawaran ini bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

- UP 14/2019 Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Apron Dan Longkang Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Rumah Pangsa Senawang 2, Daerah Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.**
2. Penender yang berminat hendaklah hadir ke **Rumah Pangsa Senawang 2 (Surau)**, untuk taklimat (**Wajib**) pada **24 Mei 2019 (Jumaat)** jam **10.00 pagi**. **Sila bawa bersama sijil-sijil ASAL seperti yang dinyatakan di perenggan 1. Wakil TIDAK DIBENARKAN hadir ke sesi taklimat tersebut.** Penender hendaklah membawa bersama **COP SYARIKAT** semasa hadir untuk taklimat dan lawatan tapak tersebut
 3. Dokumen akan mula dijual pada **24 Mei 2019 (Jumaat)** iaitu pada pukul **3.00 petang**. Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) yang **ASAL** dan masih sah hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut. Dokumen tidak akan dijual sebelum tarikh ini. Segala butiran dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut:-

| HARI | WAKTU |
|----------------|-----------------------------|
| ISNIN – KHAMIS | 8.30 pagi – 12.30 tengahari |
| | 2.15 petang – 4.30 petang |
| JUMAAT | 8.30 pagi - 12.00 tengahari |
| | 2.45 petang - 4.30 petang |

4. Sebutharga akan ditutup pada **31 Mei 2019 (Jumaat)** jam **12.00 tengahari**. Semua borang sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga, Unit Perumahan (UP), Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus**. Dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari, tidak akan diterima.
5. Bayaran sebanyak **RM 50.00** boleh dibuat secara **TUNAI / WANG POS / WANG KIRIMAN POS / DERAJ BANK** bagi pembelian setiap dokumen dan hendaklah dibayar di atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.


(MOHD FAZLI BIN ABD JALIL)
Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
Unit Perumahan